

11/02/2005

Tahun ayam dirai penuh harapan

By Norhafzan Jaafar; Hussain Said; Tuan Nazuri Tuan Ismail; Mohd Hamizar  
KUALA LUMPUR: Kedatangan tahun ayam jantan mengikut perkiraan kalendar Cina disambut meriah pelbagai lapisan masyarakat kelmarin, dengan harapan ia membawa kesejahteraan dan kemakmuran berpanjangan.

Seperti lazimnya, tradisi rumah terbuka anjuran parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang kenamaan kekal sebagai wadah mengeratkan silaturahim rakyat pelbagai kaum di negara ini dan amalan saling mengunjungi terus mewarnai perayaan Tahun Baru Cina kali ini.

Lebih 3,000 warga kota serta pelancong asing mengunjungi rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran MCA di Wisma MCA, di sini, kelmarin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta isteri Datin Seri Rosmah Mansor turut hadir pada majlis sambutan perayaan itu.

Kehadiran mereka disambut Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting serta isteri, Datin Seri Wendy Ong; Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Chan Kong Choy, Ketua Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen serta beberapa pemimpin MCA yang lain.

Turut hadir, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shafie Apdal; Menteri Kesihatan, Datuk Dr Chua Soi Lek dan Menteri Penerangan, Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba turut hadir pada majlis berkenaan.

Sementara itu di rumah terbuka Gerakan di Menara PGRM, Cheras, kira-kira 3,000 warga kota daripada pelbagai bangsa dan agama menghadirinya sambil bersalaman dan mengucapkan Tahun Baru Cina kepada pemimpin parti itu.

Abdullah, Najib dan beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Samad; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G Palanivel turut hadir.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah hadir sama. Ketibaan tetamu, disambut Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan pemimpin kanan parti itu.

Di SEREMBAN, kira-kira 5,000 rakyat pelbagai kaum meraikan sambutan Tahun Baru Cina yang dianjurkan secara bersama buat julung kalinya oleh dua parti komponen Barisan Nasional (BN) iaitu MCA dan Gerakan di Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS).

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan isteri, Raja Datin Seri Salbiah Tunku Nujumuddin, menjadi tetamu kehormat pada majlis yang turut diserikan dengan pertunjukan tarian singa dan persembahan kebudayaan dari China.

Di KANGAR, rumah terbuka sempena anjuran Badan Perhubungan MCA Perlis, kelmarin, meriah dengan kehadiran Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan isteri, Datin Seri Shamsiah Yassin; serta Yang dipertua Dewan Negara yang juga bekas Menteri Besar, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh dan isteri, Puan Sri Elham Hamid.

Di IPOH, rumah terbuka di kediaman Pengerusi MCA negeri, Datuk Ong Ka

Chuan kelmarin, dihadiri lebih 5,000 tetamu merangkumi pelbagai bangsa dan agama.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali hadir sebagai tetamu kehormat dengan ditemani isteri, Datin Seri Kamariah Mokri. Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Hanan Alang Endut.

Tajol Rosli kemudian mengunjungi rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Chang Ko Youn.

Sementara itu, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Perak (DPPCP) turut mengadakan rumah terbuka di Hotel Syuen Ipoh yang turut dihadiri Tajol Rosli dan Yang Dipertua DPPCP, Lim Kok Cheong.

Di JOHOR BAHRU, Tahun Baru Cina disambut meriah di negeri ini dengan pelbagai acara dan majlis menjamu selera diadakan di beberapa lokasi sebagai mengalu-alukan kedatangan Tahun Ayam Emas.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Datin Paduka Prof Dr Jamilah Ariffin, menghadiri majlis rumah terbuka anjuran Persekutuan Tionghua Hua dan Dewan Perdagangan Cina Johor Bahru.

Pada sebelah malamnya, Abdul Ghani dan isteri menghadiri rumah terbuka anjuran Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar negeri, Freddie Long.

Tunku Bendahara Johor, Tunku Abdul Majid Idris turut menghadiri majlis rumah terbuka Long di Danga Bay yang dihadiri hampir 2,000 orang selain anggota Exco lain.

Di PULAU PINANG, lebih 10,000 orang menghadiri majlis rumah terbuka anjuran bersama Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Exco kerajaan negeri di Kota Cornwallis, kelmarin.

Tetamu kehormat ialah Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Sambutan dimeriahkan dengan persembahan gendang 24 oleh murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina Wen Khai, Bayan Lepas, orkestra Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Heng Ee, persembahan tarian Badan Kesenian Negeri, koir dan tarian India oleh murid SRJK Tamil Azad, Bagan Jermal.

Di KUALA TERENGGANU, hujan lebat dan cuaca mendung tidak menghalang lebih 15,000 penduduk mengunjungi rumah terbuka sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Kira-kira 7,000 penduduk turut mengunjungi rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar negeri, Toh Chin Yaw di kediamannya di Jalan Pusara.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhatar Abdullah dan Setiausaha Politik Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh.

Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh turut mengunjungi rumah terbuka anjuran MCA Besut, di Sekolah Kebangsaan Chung Hwa Wei Seng, Jertih, manakala rumah terbuka anjuran MCA negeri diadakan di Astaka, Dewan Tunku Abdul Rahman, mulai jam 10 pagi hari ini.

Di KOTA KINABALU, sambutan meriah oleh masyarakat Cina di Sabah diadakan dengan majlis rumah terbuka.

Antara parti komponen BN yang mengadakan rumah terbuka iaitu Parti Maju Sabah (SAPP) di Kompleks Sukan Likas; MCA di Sekolah Tinggi Kota Kinabalu dan Parti Bersatu Sabah (PBS) di Hotel Airport View.

(END) Source : Berita Harian